

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI
ABDULLAH [PETALING JAYA]**

SOALAN NO. 276

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan prestasi tabungan rakyat dalam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dari tahun 2010 - Julai 2020 dan peratusan peminjam yang gagal membayar hutang yang terbaru mengikut pecahan pendapatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi tabungan rakyat dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dari tahun 2010 hingga Mei 2020 adalah berjumlah RM3.62 bilion dengan 3.1 juta akaun.

Sehingga Mei 2020, seramai 404,619 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman kepada pihak PTPTN.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 278

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

SOALAN NO. 278

PUAN MARIA CHIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penerima skim PeKa B40 pada tahun 2019 mengikut pecahan manfaat–manfaat di bawah skim dan implikasi kewangan terhadap Kerajaan bagi setiap manfaat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim PeKa B40 mula dilaksanakan di seluruh negara sebagai projek perintis untuk kumpulan B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas pada 15 April 2019.
2. PeKa B40 mempunyai 4 manfaat. Manfaat pertama adalah saringan kesihatan untuk mencegah penyakit tidak berjangkit sebagai fokus utama. Tiga manfaat lain yang ditawarkan adalah Bantuan Alat Perubatan (Manfaat 2), Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (Manfaat 3) dan Insentif Tambang Pengangkutan (Manfaat 4).
3. Peruntukan yang diterima pada tahun 2019 adalah sebanyak RM20 juta dengan jumlah penerima yang disasarkan untuk saringan kesihatan adalah 160,000 orang. Sehingga 31 Disember 2019, PeKa B40 telah berjaya melebihi sasaran iaitu seramai 235,637 penerima telah menjalani saringan kesihatan di bawah skim ini.
4. Pecahan jumlah penerima dan implikasi kewangan bagi setiap manfaat bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:
 - i. Manfaat 1: 225,516 orang penerima dengan implikasi kewangan sebanyak RM19,803,408.00;
 - ii. Manfaat 2: 2,308 orang penerima dengan implikasi kewangan sebanyak RM6,143,927.08;
 - iii. Manfaat 3: 1,489 orang penerima dengan implikasi kewangan sebanyak RM451,500.00; dan
 - iv. Manfaat 4: 5,449 orang penerima dengan implikasi kewangan sebanyak RM697,610.00.

Sekian, terima kasih.